

Bajet SUKMA KL kekal RM9 juta: Zolkples

Kuala Lumpur: Anggaran kos penganjuran Sukan Malaysia kali ke-XVI di Kuala Lumpur kekal RM9 juta biarpun beberapa pertambahan acara sukan bakal dipertandingkan pada temasya yang bermula 28 Jun hingga 7 Julai ini.

“Kita mahu tunjukkan kepada negeri lain walaupun dengan bajet rendah, tapi kita masih boleh anjurkan temasya dengan berjaya...Bajet kali ini sama dengan penganjuran 2011, tidak seperti ada negeri lain yang kos majlis pembukaan dan penutup saja sudah mencecah RM10 juta,” kata Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN) Datuk Seri Zolkples Embong dalam sidang media 100 hari menjelang Sukma XVI.

Dalam temasya yang dianjurkan MSN buat kali kedua selepas 2011, Zolkples berkata muay Thai, woodball dan bola sepak pantai dipertandingkan buat kali pertama pada tahun ini namun ia bergantung kepada syarat minimum penyertaan iaitu sekurang-ku-

rangnya lima kontinjen.

20 jenis sukan

Katanya, sukan wajib iaitu berbasikal trek tidak dipertandingkan kali ini memandangkan tuan rumah Sukma tahun depan, Perlis memilih untuk menganjurkannya sementara

ra sukan gimnastik artistik akan dipertandingkan di Kuala Lumpur kerana Perlis tidak mempunyai gelanggang serta atlet bagi mementaskan acara itu.

Sukma kali ini bakal mempertandingkan keseluruhan 20 jenis sukan dengan menggunakan gelanggang

sedia ada di sekitar Lembah Klang dan Universiti Putra Malaysia dipilih sebagai perkampungan sukan.

Mengenai penawaran Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (MNCF) sebagai tuan rumah Kejujutan Berbasikal Asia (ACC) 2015 atau 2016, Zolkples berkata Kementerian Belia dan Sukan (KBS) akan bermesyuarat dengan kerajaan Negeri Sembilan minggu ini bagi mempercepat pembinaan velodrom tertutup itu yang nanti boleh digunakan sebagai gelanggang perlumbaan.

“

Kita mahu tunjukkan kepada negeri lain walaupun dengan bajet rendah, tapi kita masih boleh anjurkan temasya dengan berjaya”

Zolkples Embong
Ketua Pengarah MSN